

NO. SOALAN: 518

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN WONG CHEN [KELANA JAYA]

RUJUKAN : 7685

SOALAN:

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pendatang asing tidak berdokumen yang sedang berada di dalam pusat-pusat tahanan Kerajaan dan berapakah jumlah yang diperuntukkan untuk setiap orang setiap hari.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, jumlah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang sedang berada di dalam pusat-pusat tahanan Imigresen pada 30 Mac 2015 adalah seramai 13,435 orang. Manakala PATI yang tidak berdokumen adalah sekitar 7,500 orang.

Jumlah PATI yang telah diusir dari pusat-pusat tahanan Imigresen bagi tahun 2013 adalah seramai 38,715 orang manakala bagi tahun 2014 adalah seramai 70,064 orang.

Kos yang dibelanjakan oleh Kerajaan untuk menampung setiap orang PATI setiap hari adalah sebanyak RM75. Manakala kos yang dibelanjakan oleh Kerajaan bagi menampung PATI di pusat-pusat tahanan setiap tahun dari tahun 2010 hingga 15 Januari 2015 adalah sebanyak RM46,570,855.05.